

MAZHAB SYAFIE; WADAH PENYATUAN UMMAH DI MALAYSIA

SS Dato' Dr Zulkifly bin Muda

Mufti Negeri Terengganu

Pendahuluan

Tarikh sebenar kedatangan Islam ke bumi Malaysia yang tidak dapat dipastikan dengan telah mengundang pelbagai teori dan andaian berhubung dengannya. Apa yang membanggakan sejarah awal sistem perundangan di Malaysia membuktikan bahawa syariah Islam telah diterima sebagai unsur terpenting dalam perundangan tersebut. *Hukum Kanun Melaka* yang telah dikuatkuasakan antara tahun 1414 hingga 1424 dianggap sebagai perundangan pertama yang diwujudkan di Tanah Melayu dan ianya lebih dipengaruhi oleh perundangan Islam jika dibandingkan dengan undang-undang adat.¹ Kajian yang dibuat oleh Abu Bakar Abdullah terhadap *Hukum Kanun Melaka* menunjukkan bahawa perundangan Islam yang digunakan dalam Hukum Kanun tersebut adalah berasaskan daripada mazhab Syafie.²

Kitab *Sirat al-Mustaqim* karya Syeikh Nuruddin al-Raniri³ adalah merupakan hasil penulisan perundangan Islam yang terawal dalam Bahasa Melayu. Ia telah dianggap sebagai rujukan perundangan Islam yang berwibawa, sangat berpengaruh dan digunakan secara meluas di seluruh Asia Tenggara pada zaman tradisi.⁴ Oleh kerana tokoh merupakan ulama bermazhab Syafie, maka sumber rujukan beliau juga adalah daripada buku-buku syariah yang ditulis oleh ulama Islam yang berwibawa daripada mazhab Syafie seperti *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi, *Minhaj al-Tullab* oleh al-Imam Zakaria al-Ansari, *Mukhtasar al-Fatawa* oleh Ibn Hajar al-Haythami dan lainnya.⁵

Oleh kerana itu, pemakaian mazhab Syafie dalam pengamalan hukum Islam di Gugusan Kepulauan Melayu termasuk Malaysia berupa

1- R.O Winstedt 91969), *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 167

2 - Abu Bakar Abdullah (1986), *Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Pustaka Damai, h. 56

3- Seorang sarjana Islam yang berasal dari India berketurunan Arab yang telah datang ke Gugusan Kepulauan Melayu pada abad ke 17 dan telah bermustautin di Tanah Melayu.

4 - Shafii Abu Bakar (1977), *Tokoh-Tokoh Penulis Islam Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 573

5 - Omar Awang (!981), *Islamika: The Major Arabic Sources Which Determined The Structure of Islamic Thought Before The Nineteenth Century*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 82

warisan tradisi yang masih berterusan hingga ke hari ini. Fatwa atau pandangan yang diberikan oleh para cendekiawan Islam dalam memberi jawapan kepada persoalan hukum juga sering bersandarkan kepada mazhab Syafie.⁶

Sejarah Ringkas Mazhab Syafie

Mazhab Syafie diasaskan oleh Muhammad bin Idris al-Syafie (769-820 M). Pengasasan mazhab ini adalah lahir daripada pengalaman dua aliran fiqh yang dipelajari oleh Imam Syafie iaitu mazhab Hanafi dan mazhab Maliki. Oleh itu, mazhab Syafie boleh dianggap sebagai mazhab yang mengkombinasikan antara dua amazhab tersebut. Walau bagaimanapun aliran pemikiran Imam Syafie sendiri nampaknya lebih mirip kepada aliran ahli hadith (mazhab Maliki) bahkan usul pengistinbatan hukum fiqh beliau kelihatan lebih jauh mendasar kepada aliran tersebut melebihi apa yang berlaku di dalam mazhab Maliki sendiri. Umpamanya, Imam Syafie bukan sahaja menolak kaedah istihsan yang diterima pakai oleh ulama Iraq (mazhab Hanafi) bahkan juga menolak kaedah masalih mursalah yang diterima pakai oleh para ulama Madinah (mazhab Maliki).

Adapun sumber yang digunakan di dalam pengistinbatan hukum fiqh di dalam mazhab ini terdiri daripada enam sumber. Di samping merujuk kepada al-Quran dan hadith-hadith, mazhab ini meletakkan ijmak dan qaul al-sahabi sebagai suatu yang dirujuk di dalam pengistinbatan hukum fiqh. Kaedah Qiyas dan istishab juga dirujuk sebagai sumber ke lima dan keenam. Di dalam penerimaan hadith Nabi, mazhab ini menjadikan hadith sahih sebagai asas penting dengan tidak meletakkan status masyhur atau mutawatir sebagai kriteria penting di dalam satu-satu hadith yang dirujuk.

Satu perkara yang unik di dalam mazhab ini ialah terdapat dua aliran fatwa yang dikeluarkan oleh Imam Syafie sendiri iaitu al-qaul al-jadid yang diutarakan di Mesir dan al-qaul al-qadim di Iraq. Perubahan fatwa ini

6 - Perkara ini misalnya termaktub secara bertukis dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam haqmpir kesemua negeri di Persekutuan Tanah Melayu termasuk Melaka. Lihat artikel yang ditulis oleh Prof. Tan Sri Dato' Ahmad Ibrahim dalam: Abdul Monir Yaakob (1998), *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, h. 96 – 97. Amalan sebegini juga merupakan sebahagian prosuder yang digunakan oleh Institut Fatwa di Brunei Darussalam. Lihat artikel yang ditulis oleh Pehin Dato' Seri Maharaja Dato' Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam: Abdul Monir Yaakob (1998), *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, h. 162

dikatakan berpunca dari kelengkapan ilmu hadith yang diperolehinya di Mesir.⁷

Pengenalan Ringkas Imam Syafie

Imam Syafie adalah Abu Abdullah Muhammad bin Idris bin al-Abbas bin Uthman bin Syafi'. Nasab Imam Syafie bertemu dengan nasab Rasulullah s.a.w pada moyang mereka iaitu Abdul Manaf.

Imam Syafie lahir pada bulan Rajab pada tahun 150H di Ghaza. Tahun kelahiran beliau tepat dengan tahun meninggalnya Imam Hanafi. Beliau berguru fiqh pada beberapa ulama di Hijaz, Baghdad, Mesir, Kufah, dan Madinah. Beliau banyak melahirkan murid-murid yang secara langsung menyebarkan mazhab beliau yang dikenali mazhab Syafie di dunia ini.

Antara para muridnya ialah ar-Rabi' Ibn Sulaiman al-Marawi, Abdullah Ibn Zubair al-Hamidi. Abu Ibrahim, Yunus Ibn Abdul a'la as-Sadafi, Ahmad Ibn Sibti, Yahya Ibn Wazir al-Misri, Harmalah Ibn Yahya Abdullah at-Tujaidi, Ahmad Ibn Hanbal, Hasan Ibn Ali al-Karabisi, Abu Thaur Ibrahim Ibn Khalid Yamani al-Kalbi, Hasan Ibn Ibrahim Ibn Muhammad as-Sahab az-Za'farani, Abu Ibrahim Ismail Ibn Yahya al-Muzani al-Misri atau dikenal dengan nama al-Muzani, Abu Ya'qub Yusuf Ibn Yahya al-Buwaiti dan lain-lain.

Sumber Hukum Imam Syafie

Secara umumnya, dalam istinbat hukum, Imam Syafie menggunakan lima sumber asas, iaitu:

Sumber Wahyu

Nas-nas Al-Quran dan sunnah yang merupakan sumber utama bagi fiqh Islam secara amnya.

Imam Syafie sebagaimana para ulama lain menyebutkan al-Kitab sebagai sumber hukum Islam pertama dan sunnah sebagai sumber kedua

7 -Lihat Abdul Rahman Doi, *Shariah: The Islamic Law*, Terbitan A.S. Nordeen, Kuala Lumpur, hlm: 104-106, Jajani, *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Dar al-Afaq al-Jadidah, Lebanon, hlm: 175-176

setelah al-kitab. Maka pengambilan hukum pertama wajib dari al-kitab. Kalau tidak diperolehi jawapan dalam al-Quran, baru diambil dari sunnah. Kewajipan merujuk kepada dua perkara itu berdasarkan hadith Mu'az bin Jabal ketika ditanya oleh Nabi s.a.w: "Dengan apa kamu memutuskan sesuatu?" kemudian jawabnya: "Saya memutuskan sesuatu dengan Kitab Allah. Jika tidak didapati di dalamnya maka dengan sunnah Rasulullah. Jika tidak didapati dalam hadith, maka saya berijtihad dengan akal.

Imam Syafie meletakkan sunnah sejajar dengan al-Quran dalam hal sebagai hujah kerana sunnah juga berasal dari wahyu. Imam Syafie tidak menyamakan al-Quran dan sunnah dalam segala aspek. Menurutnya, perbezaannya ialah al-Quran mutawatir dan merupakan ibadat bagi pembacanya sedangkan Sunnah, ada yang tidak mutawatir. Pembacanya semata-mata tidak dinilai pahala. Kedua, al-Quran adalah kalam Allah, sedangkan sunnah adalah perkataan Nabi s.a.w. Imam Syafie juga menjelaskan bahawa sunnah tidak semartabat dengan al-Quran dalam masalah aqidah.

Dalam pelaksanaannya, bagi Imam Syafie bahawa apabila di dalam al-Quran sudah tidak ditemui dalil, ia menggunakan hadith mutawatir. Jika tidak ditemui dalam hadith mutawatir, ia menggunakan khabar Ahad. Jika tidak ditemui dalil dengan kesemuanya itu, maka dicuba untuk menetapkan hukum berdasarkan zahir al-Quran kemudian. Dengan teliti, beliau cuba untuk mencari mukhassis dari al-Quran dan Sunnah.

Menurut Syeikh Sayyid Muhammad Musa dalam kitabnya *al-Ijtihad*, Imam Syafie jika tidak menemui dalil dari zahir nas al-Quran dan Sunnah serta tidak ditemui mukhassisnya, maka ia mencari apa yang dilakukan Nabi atau keputusan Nabi s.a.w. Kalau tidak ditemui juga, maka dia cari lagi bagaimana pendapat para ulama sahabat. Jika ditemui ada ijma dari mereka tentang hukum masalah yang dihadapi, maka hukum itulah yang ia pakai.

Menurut Imam Syafie al-Quran mahupun Sunnah terdiri atas bahasa Arab, tidak satu katapun di dalamnya yang bukan bahasa Arab. Maka sejajar dengan itu, Imam Syafie mengatakan bahawa setiap umat Islam diwajibkan mempelajari bahasa Arab sedapat mungkin sehingga ia dapat mengucapkan syahadah, membaca al-Quran, dan mengucapkan zikir. Tuntutan untuk setakat itu merupakan fardhu ain yang berlaku secara umum. Adapun penguasaan bahasa Arab secara mendalam diwajibkan secara terbatas adalah fardhu kifayah. Maka umumnya Imam Syafie menekankan pentingnya penguasaan bahasa Arab sama ada dalam bentuk fardhu ain atau kifayah kerana tidak mungkin si muslim dapat

memahami kandungan al-Quran tanpa penguasaan terhadap bahasa Arab.

Tentang hubungan antara sunnah dengan al-Quran, Imam Syafie mengemukakan bahawa fungsi sunnah sebagai berikut:

- i. Sebagai penguat dalil-dalil yang ada dalam al-Quran.
- ii. Sebagai penjelas dari ayat ayat al-Quran yang umum, ijmal, ibham, mutlak dan sebagainya.
- iii. Sebagai tambahan kepada al-Quran dalam penyebutan hukum yang belum disebut dalam al-Quran.

Adapun penerimaan Sunnah atau Hadith, Imam Syafie memperketatkannya. Beliau membahagikan hadith menjadi dua. Pertamanya, Hadith Mutawatir yang juga diungkapkan sebagai al-khabar al-ammah. Kedua, Hadith Ahad yang juga diungkapkan sebagai al-khabar al-khashah.

Imam Syafie memandang hukum yang diistinbat dari hadith mutawatir itu sebagai yakin dan pasti. Hadith tersebut wajib diterima sebagai dalil. Tentang hadith ahad, ia juga wajib diamalkan apabila hadith tersebut sahih. Pada dasarnya, syarat-syarat yang ditetapkan oleh Imam Syafie agar suatu hadith dapat diamalkan sama dengan yang dikemukakan oleh para ulama hadith dan ulama usul fiqh iaitu mesti perawinya thiqah, adil dan dabit. Sewajibnya ia wajar dipenuhi pada setiap perawi dan kesinambungan sanad yang diriwayatkannya serta tidak adanya cacat atau kelainan dalam hadith tersebut.

Ijmak

Ijmak adalah hujah syarak yang dipakai dalam mazhab Imam Syafie. Turutannya adalah setelah al-Quran dan sunnah. Imam Syafie mendefinisikannya sebagai kesepakatan ulama suatu zaman tertentu terhadap satu masalah hukum syarie dengan bersandar kepada dalil.

Adapun ijmak asas yang digunakan oleh Imam Syafie adalah ijmak para sahabat Nabi s.a.w. Imam Syafie menetapkan bahawa penghujahan ijmak dikemudiankan daripada Al-Quran dan sunnah. Ini bermakna

apabila masalah yang sudah disepakati bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah, maka ijmak tidak boleh dibuat hujah lagi.

Ijmak yang dipakai Imam Syafie sebagai dalil hukum itu adalah ijmak yang disandarkan kepada nas atau apa jua landasan riwayat dari Rasulullah s.a.w. Secara tegas, Imam Syafie berpendapat bahawa ijmak yang berstatus sumber hukum itu adalah ijmak sahabat.

Namun dalam hal berpegang dengan ijmak ini, Imam Syafie hanya mengambil ijmak yang berstatus al-ijma' al-sorih sahaja sebagai sumber hukum. Beliau menolak al-ijma' al-sukuti menjadi sumber hukum. Alasannya dalam menerima al-ijma' al-sorih ialah kerana kesepakatan itu disandarkan kepada nas dan berasal dari semua mujtahid secara jelas dan tegas sehingga tidak mengandungi apa-apa keraguan lagi. Sementara hujah beliau dalam menolak al-ijma' al-sukuti ialah kerana ia tidak merupakan kesepakatan semua mujtahid. Diamnya sebahagian mujtahid, belum tentu menunjukkan persetujuan.⁸

Qaul Sahabat

Imam Syafie juga mengambil pendapat para sahabat Nabi s.a.w sebagai sumber pengambilan hukum. Imam Syafie mengkategorikan pendapat sahabat ini kepada tiga bahagian iaitu:

Pertama: Hukum yang sudah disepakati seperti ijmak mereka untuk membiarkan tanah pertanian hasil rampasan perang tetap diusahakan oleh pemiliknya.

Kedua: Pendapat seorang sahabat sahaja dan tiada sahabat yang lain yang menolak, maka Imam Syafie tetap mengambilnya.

Ketiga: Dalam isu yang para berselisih pendapat, maka dalam hal ini, Imam Syafie akan memilih salah satunya yang paling dekat dengan Al-Quran, sunnah atau ijmak, atau menguatkannya dengan kaedah qiyas yang lebih kuat. Ini bermakna Imam tidak akan membuat pendapat baru yang bertentangan dengan pendapat yang sudah ada.

8-Lihat keterangan lanjut dalam karya Ustaz Huzaemah Tahido Yanggo yang berjudul *Pengantar Perbandingan Mazhab* (h. 130-131)

Qiyas

Sumber lain yang dirujuk oleh Imam ialah kaedah Qiyas di mana beliau telah menetapkan qiyas sebagai salah satu sumber hukum bagi syariat Islam untuk mengetahui tafsiran hukum Al-Quran dan sunnah dalam kes yang tidak pasti hukumnya tetapi ada bayangannya di dalam kedua-dua sumber itu. Beliau mengiktiraf qiyas yang dilakukan untuk menetapkan sebuah hukum dari seorang mujtahid bagi menjelaskan hukum syariat dalam masalah yang sedang digali olehnya.

Hujah penggunaan qiyas, Imam Syafie mendasarkannya kepada firman Allah dalam al-Quran surah An Nisa' ayat 59 yang maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

Imam Syafie menjelaskan, bahawa maksud "*kembalikan kepada Allah dan Rasul-Nya*" dalam ayat di atas ialah "qiyaskanlah isu yang kamu hadapi kepada nas-nas sama ada dari al-Quran atau Sunnah. Lihat keterangan Ustaz Huzaemah Tahido Yanggo dalam karyanya *Pengantar Perbandingan Mazhab*.⁹

Imam Syafie membuat beberapa kaedah yang wajib dipegangi dalam menentukan mana qiyas yang sah dan qiyas yang tidak sah. Imam menentukan batas-batas qiyas, martabat-martabatnya dan kekuatan hukum yang ditetapkan dengan qiyas. Juga diterangkan syarat-syarat yang wajib sempurna pada qiyas.

Uruf Dan Perundangan Syariat Terdahulu

Imam Syafie juga memakai jalan *istidlal* dalam menetapkan hukum bila mana tidak menemukan hukum dari empat sumber di atas. Dua sumber *istidlal* yang diakui oleh Imam Syafie adalah adat atau 'urf dan

9 (h. 131)

undang-undang syariat Nabi-nabi lain sebelum Islam. Namun begitu, dalam banyak tulisan ramai Imuwan Islam sumber ini tidak termasuk metod yang digunakan oleh Imam Syafie sebagai dasar istinbat hukum yang digunakan oleh Imam Syafie.¹⁰

Boleh disimpulkan bahawa manhaj atau langkah-langkah ijtihad Imam Syafie seperti yang disebut oleh Syeikh Ahmad Amin dalam kitabnya *Duha al-Islam* ialah sebagai berikut:¹¹

"Rujukan pokok adalah Al-Quran dan sunnah. Apabila suatu persoalan tidak diperkatakan dalam Al-Quran dan sunnah, hukumnya ditentukan melalui kaedah qiyas. (Namun) sunnah yang digunakan ialah apabila sanadnya sahih. Ijmak juga diutamakan atas khabar mufrad. Makna yang diambil dari hadith adalah makna zahir. Apabila suatu lafaz ihtimal (mengandung makna lain), maka makna zahir lebih diutamakan."

Sikap Imam Syafie Terhadap Istihsan

Dalam pembahasan tentang kaedah istihsan sebagai salah satu dalil, nama Imam Syafie selalu ditampilkan dengan penolakannya yang tegas terhadapnya sebagai sumber hukum. Sikap itu dinyatakan dalam dalam sebuah kitabnya *Ibtal Al-Istihsan* yang kemudian dimasukkan sebagai bahagian dari kitab *al-Umm*.

Imam Syatibi ada menukulkan pendapat Ibnu al-Arabi tentang kaedah istihsan iaitu ia bermaksud mengutamakan meninggalkan tuntutan suatu qiyasan sebagai pengecualian dan demi kelonggaran berdasarkan adanya qiyasan lain yang cukup kuatuntutannya. Setelah itu, Ibnu al-Arabi selanjutnya menerangkan alasan-alasan Imam Syafie dalam menolak kaedah istihsan:

- i. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Qiyamah ayat 36 yang maksudnya:

10-Lihat keterangan lanjut dalam hal-hal di atas dalam tulisan Ustaz Rasyad Hasan Khalil yang berjudul *Tarikh al-Tasyri' al-Islami* (h. 189-190)

11-Lihat keterangan lanjut oleh Ustaz Mubarak Jaih dalam tulisannya *Sejarah dan Perkembangan Hukum Islam* (h. 105-106).

"Apakah manusia mengira, bahawa ia akan dibiarkan begitu sahaja (tanpa pertanggungjawaban)?"

Berdasarkan ayat ini, mengambil istihsan sebagai hujah agama ertinya tidak ber hukum dengan nas. Makna "*begitu sahaja*" pada ayat di atas ialah keadaan tidak terikat oleh perintah dan larangan. Orang yang melakukan istihsan bererti dalam keadaan "tidak terikat oleh perintah dan larangan", maka ia harus ketika itu menetapkan hukum dengan menyalahi al-Quran dan sunnah.

- ii. Melakukan istihsan bererti menentang ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan agar mengikuti wahyu dan menetapkan hukum sesuai dengan kebenaran atau al-haq yang diturunkan Allah dan tidak mengikuti hawa nafsu.
- iii. Istihsan adalah menetapkan hukum berdasar masalah. Masalah walaupun ia sesuai dengan nas, tetapi kalau masalah yang dijadikan pedoman, itu sudah salah.
- iv. Rasulullah s.a.w ketika ingin menjawab persoalan yang belum ada dalam al-Quran yang diutarakan oleh para sahabat, baginda tidak menggunakan istihsan. Bahkan baginda menunggu turunnya wahyu.

Kalau dilihat kepada pengertian istihsan menurut Imam Malik dan Abu Hanifah, bahawa istihsan yang dimaksud dalam mazhab Hanafi dan Maliki tidaklah sama dengan istihsan yang ditentang oleh Imam Syafie. Tentu tidaklah benar kalau menuduh Imam Malik dan Abu Hanifah menetapkan hukum tanpa didukung oleh dalil yang sah menurut syarak. Sebahagian ulama mengatakan bahawa Imam Syafie sendiri pernah menggunakan istihsan dalam ijtihadnya dalam beberapa masalah seperti yang dilakukan Hanafi dan Maliki. Misalnya pemotongan tangan kiri pencuri dan lain lain.¹²

Kesimpulan Tentang Sumber Imam Syafie

12-Lihat penjelasan lebih terperinci dalam buku *Sejarah dan Perkembangan Hukum Islam* (h. 115)

Sumber hukum yang dianuti oleh Imam Syafie dalam menetapkan hukum adalah al-Quran, Sunnah, Ijmak, Qiyas dan Qaul Sahabat. Urutan tersebut bersifat hierarki. Ia bererti sumber hukum yang ada di bawahnya tidak boleh bertentangan dengan yang di atasnya. Sementara mengenai istihsan yang digunakan oleh Imam Malik dan Abu Hanifah, dalam beberapa hal Imam Syafie juga menggunakannya. Dalam hal istihsan hanya terjadi perbezaan istilah saja. Ternyata istihsan yang ditentang Imam Syafie bukannya istihsan yang dipakai oleh Imam Abu Hanifah dan Imam Malik. Istihsan yang ditentang oleh Imam Syafie hanyalah melainkan penggunaan pandangan liar dan tidak berasas ketika dalam penetapan hukum.

Qaul Qadim Dan Qaul Jadid

Ulama fiqh dalam mazhab Syafie selalu membahagi pendapat Imam Syafie dalam isu-isu fiqh kepada Qaul Qadim dan Qaul Jadid. Qaul Qadim adalah pendapat Imam Syafie yang dikemukakan serta dicatat semasa beliau di Iraq. Manakala Qaul Jadid adalah pendapat Imam Syafie yang dikemukakan oleh beliau dan dicatat di Mesir. Berdasarkan fakta sejarah, di Iraq, beliau belajar kepada ulama Iraq dan banyak mengambil pendapat ulama Iraq yang terkenal sebagai *ahl al-ra'y*. Di antara ulama Iraq yang banyak mengambil pendapat Imam Syafie dan berhasil dipengaruhinya adalah Ahmad bin Hanbal, al-Karabisi, al-Za'farani dan Abu Thaur.

Setelah tinggal sekian lama di Iraq, Imam Syafie melakukan rihlah ilmiahnya ke Mesir kemudian tinggal terus di sana. Di Mesir, dia bertemu dengan para ulama Mesir yang pada umumnya adalah pengikut Imam Malik. Imam Malik adalah penerus fiqh Madinah yang dikenal sebagai *ahl al-hadith*. Kerana perjalanan intelektualnya itu, Imam Syafie mengubah beberapa pendapatnya yang kemudian disebut Qaul Jadid. Dengan demikian, ditafsirkan Qaul Qadim adalah pendapat Imam Syafie yang bercorak *al-ra'yu*, sedangkan Qaul Jadid adalah pendapatnya yang bercorak sunnah.¹³

Antara fatwa Imam Syafie yang bertentang dalam Qaul Qadim dan Qaul Jadid ialah:

13-Demikianlah ulasan yang dibuat oleh Ustaz Mubarak dalam karyanya *Modifikasi Hukum Islam, Studi tentang Qaul Qadim dan Qaul Jadid* (h. 9-11)

i. Air Mutanajjis

Dalam Qaul Qadim dinyatakan bahawa air yang sedikit dan kurang dari dua qullah tidak dikategorikan sebagai air mutanajjis selama air itu tidak berubah. Sementara dalam Qaul Jadid dinyatakan bahawa air yang sedikit dan kurang dari dua qullah tidak dikategorikan air mutanajjis sama ada air itu berubah atau tidak.

ii. Zakat buah-buahan

Dalam Qaul Qadim dinyatakan wajib mengeluarkan zakat buah-buahan walaupun yang tidak tahan lama. Namaun dalam Qaul Jadid, adalah tidak wajib mengeluarkan zakat buah-buahan yang tidak tahan lama.

iii. Bacaan Talbiyah Ketika Tawaf

Dalam Qaul Qadim, Imam Syafie berfatwa bahawa sunat hukumnya membaca talbiyah dalam melakukan tawaf. Namun dalam Qaul Jadid, adalah tidak sunat membaca talbiyah dalam melakukan tawaf.¹⁴

Aplikasi Istinbat Hukum Di Sisi Imam Syafie

Di sini ingin dibincangkan beberapa contoh bagi aplikasi pengistinbatan hukum di sisi Imam Syafie:

i. Masalah hakim perempuan

Salah satu isu yang diperdebatkan oleh para ulama yang cukup menarik untuk diteliti adalah tentang perlantikan hakim perempuan. Menurut Imam Syafie, orang perempuan tidak boleh menjadi hakim secara mutlak. Ini bererti perempuan tidak boleh menjadi hakim sama hakim sivil atau jenayah. Cara ijtihad yang digunakannya adalah kaedah

14-Lihat keterangan oleh Ustaz M. Ali Hasan dalam karyanya *Perbandingan Mazhab* (h. 215-218)

qiyas. Dalam pandangan Imam Syafie, Nabi Muhammad s.a.w melarang perempuan menjadi pemimpin. Kerana itu perempuan tidak diharuskan menjadi hakim. Pemimpin perempuan dijadikan *al-as'* dalam qiyas dan perlantikan hakim perempuan pula dijadikan sebagai *al-far'* dalam kaedah qiyas.¹⁵

ii. Masalah imamah

Menurut Imam Syafie, isu imamah adalah merupakan kewajiban agama, bukan sekadar kewajiban yang berteraskan dalil *aqli*. Pemimpin umat Islam mesti beragama Islam dan orang-orang Islam terlindungi. Selanjutnya Imam Syafie berpendapat bahawa pemimpin mesti berasal dari kalangan Quraish. Alasannya kerana ada sebuah riwayat yang dijadikan kunci penyelesaian perdebatan politik di Saqifah Bani Sa'dah untuk menentukan pengganti Nabi s.a.w sebagai pemimpin negara dan agama. Antaranya disebutkan hadith "pemimpin mesti dari kalangan Quraish".

Dalam pandangan Imam Syafie, pemimpin yang berkualiti adalah pemimpin yang memiliki kriteria seperti seorang muslim, berakal cerdas, dewasa, merdeka, lelaki, mampu melakukan ijtihad, memiliki kemampuan mengatur, berani, adil dan mestilah dari kalangan Quraish. Lihat keterangan dalam buku *Perbandingan Mazhab*.¹⁶

Pengaruh Mazhab Syafie Di Malaysia

Di Malaysia pengaruh mazhab Syafie amat ketara dan teguh. Mazhab ini telah mengambil peranan utama dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Malaysia dari sebelum merdeka lagi. Dalam pentafsiran fiqh, hanya mazhab Syafie disebarkan dan diperkenalkan. Pengaruh mazhab Syafie di Malaysia boleh dilihat dalam dua perkara:

i. Pendidikan

Sejak dahulu kala, sistem pendidikan tradisional Islam di Malaysia, sama ada pendidikan pondok, masjid dan surau atau sekolah agama

15-Lihat keterangan dalam buku *Perbandingan Mazhab* (h. 114)

16-(h. 113-114)

sesudah itu, didapati mazhab Syafie yang dijadikan asas. Dalam masyarakat Islam di sini, mata pelajaran fiqah adalah dianggap sangat penting dan diajar di institusi-institusi tersebut. Buku-buku teks yang digunakan keseluruhan kandungannya beraliran mazhab Syafie sama ada buku-buku itu dari Bahasa Melayu Klasik dalam tulisan jawi atau buku-buku Bahasa Arab. Buku-buku teks yang ditulis dalam bahasa Melayu Klasik Jawi yang digunakan adalah kebanyakannya dari tulisan ulama-ulama Pattani, Kelantan, Sulawesi, Sumatera dan lain-lain.

Antara buku-buku teks itu ialah seperti *Kitab Hidayat al-Muta'alim*, *Munat al-Musalli* dan *Kitab Furu' al-Masa'il* karangan Syeikh Dawud al-Fatani, *Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* dan *Matla' al Badrain* karangan Muhammad Ismail Fatani, kitab *Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaquh fi Amr al-Din* karangan Muhammad Arshad al-Banjari dan lain-lain.

Inilah asas keilmuan yang diajar di pondok, di surau, di masjid dan sekolah-sekolah agama berasaskan kitab-kitab di atas. Makai ia jelas memperlihatkan sejauh mana kesan dan mendalamnya pengaruh mazhab Syafie dalam masyarakat Malaysia di peringkat awam, atasan dan peringkat ulamanya. Apabila mereka hanya didedahkan kepada satu aliran pemikiran sahaja sudah tentu timbul sikap terikat kepada mazhab tersebut.

ii. Perundangan

Kesan aliran mazhab Syafie ini juga mempengaruhi sistem keadilan negara kerana sebelum kedatangan penjajah, undang-undang Islam diamalkan di negeri-negeri Melayu. Contoh Undang-undang Pahang:

"Bab peri hukuman apabila seseorang akil baligh membunuh seorang orang Islam disahajanya dibunuhnya itu, laki-laki atau perempuan, kecil atau besar maka yang membunuh itu dibunuh. Bermula tiada harus Islam dibunuh oleh (membunuh) kafir. Bermula tiada harus merdeka dibunuh oleh membunuh hamba orang."

"Peri hukuman segala orang yang murtad. Apabila seseorang Islam murtad disuruh taubat 3 kali, jika tiada ia mahu taubat dibunuhnya, hukumannya jangan dimandikan dan jangan ditanamkan pada kubur Islam."

Pada masa penjajahan British, Undang-undang Islam diiktiraf sebagai undang-undang negeri berdasarkan kes Ramah lwn Laton. Dalam Enakmen Negeri Selangor 1952, iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam

Negeri Selangor 1952 terdapat peruntukan-peruntukan yang jelas tentang keterikatan undang-undang dengan Mazhab Syafie, terutamanya dalam bahagian kesalahan-kesalahan.

Bukti lain pengaruh mazhab ini ke dalam sistem perundangan negara, terdapat juga kes yang pernah diputuskan oleh mahkamah yang tidak membenarkan perkahwinan perempuan yang bermazhab Syafie dengan lelaki yang bermazhab Hanafi kecuali apabila si perempuan mengubah mazhabnya kepada Hanafi.

Selepas mencapai kemerdekaan, semua Enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri menyatakan tentang terikatnya dengan mazhab Syafie dalam pengeluaran fatwa, walaupun mazhab empat yang lain juga diterimapakai dalam hal-hal tertentu. Selepas undang-undang pentadbiran agama Islam dipinda dan diperlengkapkan untuk digunapakai di negeri-negeri, maka peruntukan yang mengikat dengan mazhab Syafie masih dikekalkan. Ini terkecuali Negeri Perlis yang tidak mengikut peruntukan ini kerana ia berpegang dengan sumber yang asas iaitu Quran dan Sunnah.

Fatwa di Malaysia Berdasarkan Mazhab Syafie

Sementara itu, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-14 yang diadakan di Johor pada 22 hingga 23 Oktober 1985 mengenai mazhab muktabar dalam fiqah Islam menetapkan setiap negeri di negara ini hendaklah mendasarkan fatwanya kepada mazhab Syafie.

Keputusan ini bukanlah rigid kerana dibolehkan menggunakan mazhab lain jika didapati sebab-sebab tertentu untuk menggunakannya dari segi maslahahnya. Ini juga mestilah direstui oleh sultan negeri berkenaan. Penulis menyokong keputusan ini kerana tujuannya adalah untuk memudahkan pelaksanaan hukum di peringkat pemerintah dan amalan dalam kalangan masyarakat selain memperkukuhkan ikatan perpaduan serta persaudaraan Islam.

Penutup

Berdasarkan huraian di atas serta produk istinbat Imam Syafie, maka disimpulkan bahawa Imam Syafie dapat dikategorikan sebagai ulama yang bersifat fundamentalis dalam isjtihadnya. Oleh kerana Imam Syafie adalah ulama yang hidup di permulaan pertumbuhan ilmu Usul Fiqh

dan Fiqh secara tersusun, maka dilihat fatwa-fatwa beliau agak keras. Namun begitu, bukan bererti pendapat-pendapat Imam Syafie kaku. Sebaliknya, pendapat beliau sangat fleksibel dengan bukti wujudnya Qaul Qadim dan Qaul Jadid.

RUJUKAN UTAMA

- 1-Abdul Aziz Dahlan, *Ensiklopedi Hukum Islam*, dalam ertikel "Asy-Imam Syafie", Jilid 5, Jakarta, Ichtiar Baru Van Hoeve.
- 2-Abu Amenah Bilal Philips, *The Evolution of Fiqh: Islamic Law and the Madhabs* (terj), Bandung: Nusa Media dan Nuansa.
- 3-Abu Bakar Abdullah (1986), *Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Pustaka Damai
- 4-Abdul Rahman Doi, *Shariah: The Islamic Law*, Terbitan A.S. Nordeen, Kuala Lumpur
- 5-Jajani, *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Dar al-Afaq al-Jadidah, Lebanon
- 6-Khudhari, *Tārikh al-Tasyri' al-Islāmi* (terj), Semarang; Daarul Ihya.
- 7-M. Ali Hasan, *Perbandingan Mazhab*, Jakarta; PT. RajaGrafindo Persada.
- 8-Muhammad Ali As-Sayis, *Tarikh al-Fiqh al-Islami* (terj), Jakarta: Pustaka Al-Kauthar.
- 9-Muhammad Hasan al-Jamal, *Hayah al-Imamah* (terj), Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- 10-Mubarak Jaih *Modifikasi Hukum Islam, Studi tentang Qaul Qadim dan Qaul Jadid*, Jakarta; PT. RajaGrafindo Persada.
- 11-Mubarak, Jaih, *Sejarah dan Perkembangan Hukum Islam*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- 12-Omar Awang (!981), *Islamika: The Major Arabic Sources Which Determined The Structure of Islamic Thought Before The Nineteenth Century*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- 13-Rasyad Hasan Khalil, *Tarikh al-Tasyri' al-Islami* (terj), Jakarta, Amzah.
- 14-Saifudin Nur, *Ilmu Fiqh Suatu Pengantar Komprehensif Kepada Hukum Islam*, Bandung: Tafakur.
- 15-Shafii Abu Bakar (1977), *Tokoh-Tokoh Penulis Islam Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka